

# Bantuan GKP 4.0 disalur Selasa

BH- 18/9/2021 M/S: 2

## Bayaran beri manfaat kepada lebih sejuta PKS mikro

Oleh Zanariah Abd Mutalib dan Mohd Iskandar Ibrahim  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Bantuan Geran Khas Prihatin (GKP) 4.0 di bawah Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH) bagi menyokong sektor perniagaan, khususnya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mikro, akan mula disalurkan Selasa ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata bantuan itu akan memberi manfaat kepada lebih sejuta PKS mikro bagi meringankan beban kewangan mereka dalam mengharungi tempoh yang masih mencahar.

Katanya, bayaran GKP 4.0 akan disalurkan dua kali, masing-masing

RM500 pada September ini dan November depan, membabitkan penerima sedia ada GKP 1.0, GKP 2.0, GKP 3.0 dan penerima baharu GKP 4.0 dengan implikasi kewangan sebanyak RM500 juta.

“Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank yang didaftarkan dalam sistem GKP.

“Semakan status kelulusan GKP 4.0 boleh dibuat mulai 20 September ini melalui Portal GKP, <https://gkp.hasil.gov.my>.

“Secara keseluruhan, jumlah peruntukan yang telah dan akan disalurkan kepada lebih sejuta PKS mikro di bawah GKP sejak COVID-19 melanda negara adalah RM6.08 bilion.

“Saya berharap bantuan ini dapat menggerak dan memulihkan kembali sektor PKS yang juga enjin pertumbuhan ekonomi Keluarga Malaysia,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Ismail Sabri menjelaskan, kerajaan memberi keutamaan kepada penggiat industri berkeuntungan kerana mereka antara sektor paling terjejas sepanjang pandemik COVID-19.

“Semoga dengan bantuan ini, peniaga kecil seperti pemilik ge-

rai makan, kedai gunting rambut, bengkel dan kedai kek dapat mengurangkan beban dan membantu aliran tunai,” katanya.

Sementara itu, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dalam kenyataan berasingan, memaklumkan semakan status kelulusan rayuan Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) boleh dibuat mulai hari ini, membabitkan hampir 200,000 penerima dengan anggaran peruntukan RM240 juta.

Katanya, kerajaan sudah mengemas kini data golongan B40 yang layak menerima BPR melalui permohonan rayuan dibuka pada 15 hingga 30 Jun lalu dan permohonan diverifikasi semula

oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk memastikan bantuan tunai itu dapat disalur dan dimanfaatkan oleh golongan yang benar-benar layak.

“Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank yang didaftarkan semasa permohonan rayuan BPR pada penghujung bulan ini, bersekali dengan penerima bayaran BPR Fasa 3,” katanya.

Tengku Zafrul berkata, kerajaan berharap bantuan tunai yang keseluruhannya berjumlah RM17.1 bilion sehingga hujung tahun ini, boleh membantu Keluarga Malaysia menampung dan menguruskan perbelanjaan penting mereka.

Pembayaran akan dikreditkan terus ke akaun bank yang didaftarkan dalam sistem GKP. Semakan status kelulusan GKP 4.0 boleh dibuat mulai 20 September ini

Ismail Sabri Yaakob,  
Perdana Menteri



Dalam pada itu, beliau berkata, selaras pengumuman kelulusan rayuan BPR, kerajaan turut memberi peluang kepada golongan berkenaan untuk menyertai Program Jaringan Prihatin, inisiatif untuk membantu penerima BPR melalui penyediaan subsidi bagi langganan perkhidmatan telekomunikasi atau pembelian peranti mudah alih.

Katanya, tarikh akhir pendaftaran dan penubuhan program terbabit akan dilanjutkan sehingga 30 September ini dan pelanjutannya bertepatan dengan situasi semasa serta memberi ruang dan masa kepada mereka yang perlu mendaftar serta menebus telefon di kedai secara fizikal.

“Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan program yang disediakan menepati kehendak golongan sasar dan memudahkan pembelajaran anak golongan B40 mendapatkan pakej telekomunikasi atau pakej peranti mudah alih.

“Sokongan ini diharap dapat menjamin pembelajaran yang lebih lancar dan kondusif,” katanya.